

11 MAR 1998

Akreditasi-Komanwel

SUKOM EDAR 17,995 BORANG AKREDITASI UNTUK SUKAN KOMANWEL

Oleh: Zaiful Mohd Ariffin

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad telah mengedarkan 17,995 borang akreditasi kepada negara-negara Komanwel termasuk Malaysia bagi menyertai Sukan Komanwel Ke-16 yang akan diadakan di sini dari 11 hingga 21 September.

Penolong pengurus jabatan akreditasi Sukom A. Nelson Chandran berkata hari ini borang itu yang termasuk akreditasi untuk keluarga diraja, orang kenamaan, pemerhati, peserta, pegawai, media cetak dan pegawai penyiaran telah dihantar mulai 7 Mac lepas.

"Kebanyakan borang yang kami hantar adalah untuk negara asing, sebab ia memakan masa yang lama untuk mereka menerima borang itu, bagi tempatan kami akan menghantarnya melalui Agensi Berita Nasional (Bernama) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM)," kata Nelson di sini.

Sehingga awal bulan ini, 64 negara dalam Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) telah mengesahkan penyertaan mereka untuk Sukan Kuala Lumpur '98 yang akan mempertandingkan 16 acara daripada 15 jenis sukan.

Lima negara lain yang masih belum mengesahkan penyertaan adalah Maldives, St. Helena, Antigua & Barbuda, Kepulauan Solomon and Tuvalu.

Menurut Nelson, Sukom menghantar borang tersebut melalui perkhidmatan kurier kepada 66 buah negara manakala tiga lagi negara iaitu Australia, Afrika Selatan dan tuan rumah Malaysia telah mengambil borang itu dengan sendiri.

"Tarikh tutup ialah pada 1 Jun dan saya berharap semua negara CGF dapat memulangkan borang itu kepada kami dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kelewatan," kata Nelson.

Beliau berkata untuk media cetak, Sukom menghantar 1,300 borang kepada 69 negara Komanwel, 300 kepada negara-negara Asean dan 600 untuk tuan rumah termasuk 100 kepada Bernama.

"Walaupun negara-negara Asean seperti Thailand dan Myanmar tidak akan mengambil bahagian pada Sukan itu, namun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu mereka datang dan membuat liputan sukan ini sebagai lambang semangat setiakawan Asean," kata Nelson.

Beliau berkata media tempatan perlu menghantar borang itu melalui Majlis Olimpik Malaysia untuk pengesahan. -- BERNAMA

ZMA AHH